

KECENDERUNGAN PELAJAR CEMERLANG AKADEMIK TERHADAP  
PEMILIHAN BIDANG PTV

NORHAFIZAH BT JALIL

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI 2014

## ABSTRAK

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) memerlukan bakal graduan yang cemerlang dalam bidang akademik bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan profesional dalam mencapai Wawasan 2020. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kecenderungan pelajar-pelajar cemerlang akademik di sekolah-sekolah menengah harian dalam Daerah Batu Pahat berdasarkan aspek minat, kesediaan dan kesedaran terhadap pemilihan bidang PTV. Jumlah responden terlibat adalah seramai 114 orang pelajar yang memperoleh sekurang-kurangnya 7A dalam Peperiksaan Percubaan PMR 2013. Soal selidik digunakan sebagai instrumen utama dalam kajian ini. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* versi 20.0. Analisis deskriptif digunakan untuk mendapatkan min, sisihan piawai, frekuensi dan peratusan. Selain itu, analisis inferensi menggunakan pekali Korelasi Pearson turut digunakan bagi mengenal pasti hubungan antara ketiga-tiga aspek kecenderungan yang dikaji. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap minat, kesediaan dan kesedaran pelajar cemerlang akademik adalah tinggi terhadap pemilihan bidang PTV. Kesedaran merupakan aspek paling dominan berbanding minat dan kesediaan dalam pemilihan bidang PTV. Hasil kajian juga mendapati bahawa, terdapat hubungan yang signifikan antara aspek minat, kesediaan dan kesedaran pelajar cemerlang akademik untuk cenderung memilih bidang PTV sebagai bidang pengkhususan di peringkat pembelajaran yang lebih tinggi. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa bidang PTV turut menjadi keutamaan pelajar cemerlang akademik lepasan PMR sebagai pilihan untuk ke peringkat pengajian seterusnya. Kajian ini diharapkan dapat memberi peluang yang lebih luas dan terbuka kepada golongan berkenaan dalam menentukan laluan pendidikan selanjutnya.

## ABSTRACT

Technical and Vocational Education (TVE) requires future graduates who excel academically to meet the needs of professional and skilled work force in 2020. This research aimed at identifying the tendency of the academically outstanding secondary school students, in Batu Pahat district, towards TVE based on their interest, readiness and awareness. The study involved 114 respondents who achieved at least 7A in PMR Trial 2013. Questionnaire was used as the main instrument, and the data was analyzed by using the Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 20.0. A descriptive analysis has been used to determine the mean, standard deviation, frequency and percentage. In addition, inferential analysis using Pearson Correlation coefficient was used to identify the relationship between those three aspects. The results showed that the interest, readiness and awareness of students toward the selection of TVE field were at a high level. Awareness was the most dominant aspect in comparison to the interest and readiness. There was a significant relationship between the aspects of interest, readiness and awareness of students which resulted to the selection of the TVE as the area of specialization in the next level of education. Most important, these findings demonstrated that the TVE is also a priority area chosen by the outstanding PMR students to continue their study to the next level of education. This study is expected to provide a greater opportunity to the students in determining their future education paths.

## KANDUNGAN

	<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ ISTILAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	4
	1.3 Pernyataan Masalah	10
	1.4 Tujuan Kajian	12
	1.5 Objektif Kajian	12
	1.6 Persoalan Kajian	13
	1.7 Hipotesis Kajian	13
	1.8 Skop Kajian	14
	1.9 Batasan Kajian	14
	1.10 Kerangka Konsep Kajian	15

1.11	Kepentingan Kajian	17
1.12	Definisi Istilah	18
1.12.1	Kecenderungan	19
1.12.2	Pelajar Cemerlang Akademik	19
1.12.3	Pendidikan Teknik dan Vokasional	19
1.13	Rumusan	20
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	
2.1	Pengenalan	21
2.2	Aliran Pendidikan Teknikal Dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional	22
2.3	Ciri-ciri Pelajar Cemerlang Akademik	25
2.4	Kecenderungan Pelajar Terhadap Bidang Pendidikan	26
2.5	Minat Pelajar Terhadap Bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional	27
2.6	Kesediaan Pelajar Terhadap Bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional	33
2.7	Kesedaran Pelajar Terhadap Bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional	37
2.8	Rumusan	42
<b>BAB 3</b>	<b>METOLOGI KAJIAN</b>	
3.1	Pengenalan	44
3.2	Reka Bentuk Kajian	44
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	46
3.4	Instrumen Kajian	48
3.4.1	Borang Soal Selidik	49
3.4.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan	49
3.5	Kajian Rintis	50
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	52
3.7	Prosedur Analisis Data	53

3.7.1	Analisis Deskriptif	54
3.7.2	Analisis Ujian Kenormalan	55
3.7.3	Analisis Inferensi	55
3.8	Kerangka Operasi Kajian	56
3.9	Rumusan	58
<b>BAB 4</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	59
4.2	Prosedur menganalisis Data	61
4.3	Analisis Demografi	61
4.3.1	Jantina	62
4.3.2	Bangsa	62
4.3.3	Elektif Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)	63
4.3.4	Keputusan Peperiksaan Percubaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) Tahun 2013	64
4.4	Analisis Aspek Minat	64
4.5	Analisis Aspek Kesediaan	68
4.6	Analisis Aspek Kesedaran	70
4.7	Analisis Terhadap Aspek Kecenderungan Yang Paling Dominan	71
4.8	Analisis Ujian Normaliti	72
4.9	Analisis Hubungan Antara Aspek Minat, Kesediaan dan Kesedaran	75
4.10	Rumusan	76
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN &amp; CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	78
5.2	Perbincangan Mengenai Kecenderungan Pelajar Cemerlang Akademik Terhadap Perkara-Perkara Yang Berkaitan Bidang PTV	79
5.2.1	Analisis Faktor Demografi	80

5.2.2	Tahap Minat Pelajar Cemerlang Akademik Terhadap Pemilihan Bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional	80
5.2.3	Tahap Kesediaan Pelajar Cemerlang Akademik Terhadap Pemilihan Bidang PTV	83
5.2.4	Tahap Kesedaran Pelajar Cemerlang Akademik Terhadap Pemilihan Bidang PTV	86
5.2.5	Aspek Kecenderungan Paling Dominan Dalam Kalangan Pelajar Cemerlang Akademik Terhadap Pemilihan Bidang PTV	88
5.2.6	Hubungan Antara Aspek Minat, Kesediaan Dan Kesedaran Dalam Kalangan Pelajar Cemerlang Akademik Terhadap Pemilihan Bidang PTV	89
5.3	Rumusan	94
5.4	Cadangan	96
5.4.1	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	98
5.5	Penutup	98
	RUJUKAN	99
	LAMPIRAN	110

## SENARAI JADUAL

1.1	Penggredan PMR	5
3.1	Jumlah Pelajar Cemerlang Sekolah Menengah Harian, Daerah Batu Pahat Johor	47
3.2	Skala Likert Lima Peringkat	48
3.3	Taburan Item Soal Selidik	49
3.4	Analisis Kebolehpercayaan Soal Selidik Keseluruhan	52
3.5	Analisis Kebolehpercayaan Soal Selidik Mengikut Aspek	52
3.6	Prosedur Analisis Data	54
3.7	Skala Interpretasi Skor Min	55
3.8	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	56
4.1	Senarai Jumlah Pelajar Cemerlang Akademik Mengikut Sekolah	60
4.2	Pecahan Bahagian Soalan Di Dalam Borang Soal Selidik	61
4.3	Bilangan Responden Mengikut Jantina	62
4.4	Bilangan Responden Mengikut Bangsa	62
4.5	Pencapaian Responden Dalam Peperiksaan Percubaan PMR 2013 Mengikut Alektif Mata Pelajaran KHB Yang Diambil	63



4.6	Keputusan Peperiksaan Percubaan PMR Tahun 2013	64
4.7	Keputusan Analisis peratus, Frekuensi, Skor Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan Aspek Minat	66
4.8	Keputusan Analisis peratus, Frekuensi, Skor Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan Aspek Kesianaan	68
4.9	Keputusan Analisis peratus, Frekuensi, Skor Min dan Sisihan Piawai Berdasarkan Aspek Kesedaran	70
4.10	Analisis Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap Interpretasi	72
4.11	Ujian Normaliti	73
4.12	Hubungan Antara Aspek Minat, Kesianaan dan Kesedaran	75

**SENARAI RAJAH**

1.1	Kerangka Konsep Kajian	16
3.1	Kerangka Operasi Kajian	57
4.1	Taburan Min Aspek Minat	73
4.2	Taburan Min Aspek Kesediaan	74
4.3	Taburan Min Aspek Kesedaran	74

**SENARAI SIMBOL/SINGKATAN/TATANAMA/ISTILAH**

ACCA	-	Association of Chartered Certified Accountants
BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
DBP	-	Dewan Bahasa dan Pustaka
ERT	-	Ekonomi Rumah Tangga
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
KDNK-		Keluaran Dalam Negara Kasar
KHB	-	Kemahiran Hiidup Bersepadu
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPTM	-	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
KT	-	Kemahiran Teknikal
KV	-	Kolej Vokasional
LPM	-	Lembaga Peperiksaan Malaysia
OECD	-	Organisation for Economic Co-operation and Development
PK	-	Perdagangan dan Keusahawanan
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
PN	-	Pertanian
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional

- SMT - Sekolah Menengah Teknik
- SPM - Sijil Pelajaran Malaysia
- SPSS - Statistics Package for Social Science

**SENARAI LAMPIRAN**

A	Borang Soal Selidik	110
B	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (Kementerian Pendidikan Malaysia)	119
C	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (Jabatan Pendidikan Negeri Johor)	120
D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)	121
E	Borang-borang Semakan Soal Selidik	126
F	Analisis Peperiksaan SPM SMT/SMV 2012	132
G	Analisis Perbandingan Peratus Lulus Aliran Teknikal SPM 2012	133
H	Data Kajian Rintis	134
I	Data Kajian (SPSS)	139
J	Gantt Chart	143

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Malaysia merupakan negara yang pesat membangun dan sedang mensasarkan untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Dalam usaha merealisasikan hasrat tersebut, pihak kerajaan perlu bersiap siaga dengan merancang reka bentuk ekonomi yang berasaskan pengetahuan yang memerlukan tenaga kerja yang cekap dan sangat mahir bagi memenuhi pasaran kerja global (M. Sail *et al.*, 2007). Dalam konteks ini, adalah penting bagi generasi kini menjadi tulang belakang negara bagi memastikan impian tersebut menjadi kenyataan. Modal insan yang benar-benar bersedia menyumbangkan idea, tenaga dan kemahiran perlu dijelmakan agar pembangunan ekonomi negara dapat bergerak seiring dengan sasaran yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana, modal insan merupakan pelaburan terpenting terutama bagi memastikan kemajuan sesebuah negara dapat dicapai.

Menurut Mohamad & Salleh (2009), untuk menjadi sebuah negara membangun yang cemerlang, gemilang dan terbilang, maka perlulah didukung oleh modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang juga. Memiliki modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah faktor terpenting bagi Malaysia untuk mentransformasikan ekonominya ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 (Ismail, 2012). Bertitik tolak daripada itu, salah satu daripada usaha untuk mencapai Wawasan 2020 yang dihasratkan adalah menerusi bidang pendidikan. Pelaburan yang berkesan dalam sistem pendidikan akan mewujudkan negara yang mantap dan mapan dari segi pembangunan ekonomi. Hal ini

boleh direalisasikan dengan adanya modal insan berkualiti yang menjadi penggerak dan pemacu kepada hasrat tersebut.

Kajian Ali *et al.* (2009) menunjukkan bahawa pembangunan dan pertumbuhan sesebuah negara mampu dipercepatkan dengan adanya perancangan pembangunan sektor pendidikan yang baik dan berkesan. Hal ini juga dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir serta dapat melahirkan graduan yang kompeten dalam pelbagai bidang termasuk menjadi usahawan. Berdasarkan realiti ini, cabaran dalam sistem pendidikan di Malaysia melenia ini perlulah ditangani dengan usaha merencanakan generasi yang berpengetahuan serta berkemahiran tinggi dalam mengharungi bidang kerjaya pada masa hadapan.

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan pendidikan yang mementingkan pengetahuan dan kemahiran serta menyediakan peluang pekerjaan yang luas terutama kepada golongan muda. PTV telah ditubuhkan selama lebih tiga dekad dalam sistem pendidikan di Malaysia. Selain menerapkan kemahiran teknikal sebagai bidang keutamaan, PTV juga mampu membentuk kemahiran-kemahiran lain bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dan berkemahiran tinggi dalam bidang yang dikuasai. Pada masa yang sama, PTV juga mampu memberi peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat lebih tinggi. Menurut Emat (2005), asas kepada pelaksanaan sistem PTV ini adalah pendidikan sepanjang hayat, yang mana sistem ini juga dapat memenuhi hasrat kerajaan untuk mengeluarkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir bagi memenuhi rancangan pembangunan perindustrian negara.

Transformasi dalam bidang pendidikan yang sedang rancak diperkatakan pada masa ini dilihat memberi impak yang besar kepada pembangunan pendidikan negara menerusi perancangan yang dilakukan secara sistematik dan terancang termasuklah dalam bidang PTV. Menurut Othman *et al.* (2011), transformasi PTV menjadi keutamaan di kebanyakan negara membangun sebagai alternatif untuk mengadaptasi perubahan globalisasi pada masa ini. Pada 9 Januari 2012, Pelan Transformasi PTV telah dilancarkan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia. Menurut beliau ketika berucap di Majlis Perutusan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia, di samping strategi dan tindakan yang telah digariskan dalam Pelan Transformasi PTV, pihak industri, sektor swasta dan agensi-

agensi berkaitan akan turut berperanan memperhebat status dan mengurus perdana PTV seperti di negara-negara maju dan serantau yang lain (KPM, 2012e).

Cabaran negara Malaysia dalam melaksanakan hasrat yang diimpikan sudah tentu melibatkan pelbagai latar belakang pelajar termasuklah kumpulan pelajar cemerlang akademik. Oleh sebab itu, golongan ini perlu mengambil pendekatan terbaik agar mereka dapat berdikari sendiri melalui ilmu yang diperoleh serta dapat memperluas cabang kerjaya pada masa hadapan. Maka, lebih banyak pendedahan dan maklumat perlu diberikan kepada kumpulan pelajar cemerlang akademik agar dapat menarik minat mereka untuk memilih bidang yang dapat menjamin kerjaya masa hadapan termasuk dalam bidang PTV. Bersesuaian dengan hal tersebut, PTV boleh dijadikan sebagai salah satu cabang pendidikan yang boleh dipilih sebagai asas kepada laluan kerjaya mereka pada masa hadapan.

Menurut Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025), penambah baik peluang, akses dan kualiti PTV untuk laluan teknikal adalah sama penting dengan penambah baik laluan akademik pendidikan tertiar (KPM, 2012b). Oleh hal yang demikian, transformasi dalam bidang PTV merupakan langkah terbaik bagi melahirkan graduan yang berjaya dan cemerlang dalam bidang akademik serta kemahiran. Pada waktu sama, keyakinan majikan terhadap graduan tempatan juga akan meningkat kerana dapat melihat kesediaan dan keupayaan mereka dalam bidang pekerjaan.

Transformasi yang sedang dilaksanakan dalam bidang PTV sememangnya memerlukan prospektif graduan yang cemerlang dalam bidang akademik. Hal ini demikian kerana, pelajar cemerlang akademik merupakan aset utama negara yang berpotensi untuk merealisasikan Wawasan 2020. Pelajar cemerlang akademik juga dapat memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan profesional agar turut sama-sama bersinergi membangunkan negara. Menurut Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa & Pustaka (2012), pelajar cemerlang ialah pelajar yang mendapat kejayaan atau menerima keputusan peperiksaan yang sangat baik. Namun, menurut Mc Clelland (1961), pelajar yang cemerlang dalam akademik memiliki personaliti yang berbeza-beza. Justeru, perbezaan personaliti yang dimiliki oleh golongan pelajar ini, boleh mempengaruhi kecenderungan mereka untuk memilih mana-mana bidang pembelajaran yang digemari.



Pada masa sama, pelajar cemerlang akademik perlu memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan bidang pembelajaran yang telah dipilih.

Kecenderungan pelajar cemerlang akademik untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi perlu bersesuaian dengan minat, kesediaan dan kesedaran mereka terhadap bidang tersebut. Hal ini demikian kerana, mereka yang fokus terhadap bidang yang dipilih akhirnya akan dapat menamatkan pembelajaran tersebut dengan lebih berkesan. Menurut Holland (1985), pemilihan kursus yang tidak selaras boleh menyebabkan seseorang pelajar tidak mencapai kepuasan belajar secara menyeluruh, bermotivasi rendah, tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kursus yang dipilih serta berkemungkinan memberikan impak negatif terhadap pencapaian akademik mereka. Walau pun pencapaian akademik memenuhi syarat kemasukan ke peringkat pembelajaran yang lebih tinggi, tetapi jika bidang yang dipilih tidak menepati kecenderungan dan potensi sebenar pelajar berkenaan, hal ini boleh memberi kesan terhadap pencapaian akademik yang tidak memuaskan.

Oleh itu, sekiranya pelajar cemerlang akademik dapat menamatkan pengajian dalam bidang yang lebih cenderung kepada pilihan hati mereka sendiri, kesediaan untuk menempatkan diri dalam pasaran kerja tidak menjadi masalah yang besar. Senario ini dapat membantu kepada perkembangan kerjaya seseorang pelajar serta menambah bilangan tenaga sumber manusia dalam pembangunan ekonomi negara.

## **1.2 Latar Belakang Masalah**

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) telah menawarkan tiga bidang pembelajaran kepada pelajar peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) untuk mengikuti program yang bersesuaian dengan pencapaian akademik masing-masing di sekolah-sekolah menengah teknik (SMT) atau Kolej Vokasional (KV) yang terpilih. Bidang tersebut adalah Pendidikan Teknikal, Pendidikan Vokasional dan Latihan Kemahiran yang bermula pada tahun 2013. Pendidikan Asas Vokasional (PAV) pula, akan ditawarkan di peringkat menengah rendah bagi sekolah-sekolah menengah harian, khusus kepada pelajar yang cenderung terhadap bidang vokasional (BPTV, 2012).

Bidang pendidikan teknikal yang ditawarkan adalah dikhususkan kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan PMR. Sungguh pun bermula pada tahun 2014, Peperiksaan PMR sudah tidak digunakan sebagai piawaian untuk menentukan tahap kecemerlangan pelajar, tetapi ia masih diguna pakai sehingga tahun 2013. Oleh hal yang demikian, tahap kecemerlangan berasaskan peperiksaan PMR masih wajar dijadikan panduan dalam kajian ini. Oleh itu, KPM telah menetapkan satu garis panduan gred bagi mengukur tahap kecemerlangan pelajar-pelajar tersebut. Menurut KPM (2011), pelajar cemerlang akademik merupakan pelajar yang mendapat Gred A dengan memperoleh 80-100 markah bagi setiap mata pelajaran yang diambil. Gred pemarkahan yang dinilai adalah seperti yang tercatat di dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Penggredan PMR (KPM, 2011)

Gred	Markah	Status
A	80-100	Cemerlang
B	65-79	Kepujian
C	50-64	Baik
D	40-49	Lulus
E	0-39	Gagal

Pemilihan pelajar untuk kemasukan ke sekolah menengah teknik (SMT) dalam aliran teknikal adalah bertujuan untuk membantu melahirkan tenaga profesional dalam bidang kejuruteraan dan bukan kejuruteraan (pertanian dan perdagangan). Kursus-kursus yang ditawarkan dalam aliran teknikal adalah bidang kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik, kejuruteraan awam, perdagangan dan sains pertanian. Pelajar yang terpilih mengikuti aliran teknikal akan meneruskan pembelajaran di SMT yang terpilih. Setelah menamatkan pembelajaran di SMT, pelajar akan berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi seperti diploma dan ijazah di mana-mana institusi pengajian tinggi awam dan swasta (universiti, politeknik, kolej komuniti), kolej matrikulasi teknikal, kolej matrikulasi umum atau tingkatan enam. Justifikasinya, SMT merupakan saluran terbaik untuk pelajar cemerlang akademik membina kerjaya masa

hadapan dalam bidang PTV. Berdasarkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025),

*Pendidikan teknikal mempunyai matlamat yang sama dengan pendidikan vokasional, iaitu menyediakan murid untuk kerjaya yang khusus, daripada bidang perakaunan hinggalah kepada bidang nutrisi. Namun, Pendidikan teknikal merupakan sebahagian daripada laluan akademik dan memerlukan asas pencapaian akademik yang tinggi bagi membolehkan murid melanjutkan pelajaran. Selain mengambil mata pelajaran akademik yang sama seperti murid di aliran perdana, murid aliran teknik boleh memilih daripada set pilihan mata pelajaran elektif teknikal yang berbeza, iaitu merangkumi bidang kejuruteraan awam, sains pertanian, prinsip perakaunan dan lain-lain. Terkini, kementerian memulakan usaha sama dengan sektor swasta bagi meningkatkan penerimaan pihak industri terhadap pendidikan teknikal. Sebagai contoh, murid yang mengikuti bidang perakaunan akan menerima akreditasi separa Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) untuk kelayakan profesional ACCA. Sehingga kini terdapat lebih daripada 20,000 orang murid yang berdaftar di sekolah teknik, iaitu kurang daripada 1% jumlah murid sekolah menengah (KPM, 2012b). (ms. 159)*

Berdasarkan fakta yang dinyatakan di atas, penyertaan pelajar cemerlang akademik dalam aliran teknikal dilihat masih kurang memberangsangkan. Sebagaimana sedia maklum, jumlah pelajar cemerlang PMR pada masa kini semakin ramai setiap tahun. Berdasarkan analisis keputusan Peperiksaan PMR 2012 di seluruh Malaysia, seramai 30,474 orang pelajar telah berjaya mendapat semua A dalam peperiksaan tersebut iaitu sebanyak 6.92% keseluruhannya. Manakala pada peringkat Negeri Johor pula, daripada jumlah 52,572 calon yang menduduki Peperiksaan PMR, seramai 3,916 orang pelajar atau 6.889% mendapat keputusan A dalam semua mata pelajaran yang diambil (Hassan, 2012). Jumlah tersebut menunjukkan bahawa, lebih ramai pelajar cemerlang PMR perlu diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang teknikal di SMT seluruh Malaysia.

Bidang teknikal yang terhad kepada pelajar cemerlang dilihat sebagai cabaran kepada mereka untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi di SMT. Hal ini demikian kerana, bermula pada tahun 2013, bidang teknikal hanya akan ditawarkan di 17 buah SMT seluruh Malaysia berbanding 28 buah SMT dan SMV yang menawarkan bidang tersebut pada tahun 2012 (BPTV, 2012). Hal ini adalah disebabkan penjenamaan semula sebahagian besar SMT dan SMV kepada Kolej Vokasional (KV) yang lebih cenderung kepada pemilihan pelajar kategori sederhana dan lemah akademik

untuk memasuki aliran vokasional dan kemahiran. Menurut Ahmad Sipon (2001), penyertaan pelajar di SMT dan SMV adalah tujuh peratus daripada jumlah enrolmen kohort Tingkatan 4, iaitu satu angka yang rendah berbanding kadar penglibatan pelajar di negara-negara maju seperti Jerman, Perancis dan Itali meliputi penyertaan melebihi 60%. Di negara maju seperti Jerman, PTV serta latihan vokasional menjadi antara pilihan utama pelajar kerana ia menyediakan prospek kerjaya yang baik (Ivan, 2007). Justeru, kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap aliran Pendidikan teknikal perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa agar dapat meningkatkan enrolmen yang setanding dengan negara-negara maju sedia ada.

Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pendidikan Malaysia berkata, pertumbuhan ekonomi nasional menuntut peningkatan bilangan graduan dalam bidang PTV. Menurut beliau, kerajaan telah mengambil langkah proaktif sejak tahun 2009 dengan melihat pelaksanaan bidang PTV di negara maju dan serantau kerana kadar purata kemasukan pelajar aliran teknikal dan vokasional di peringkat menengah atas bagi negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) adalah 44 peratus berbanding hanya 10 peratus di Malaysia (Bernama, 2012). Melihat kepada negara-negara maju tersebut, beliau berpendapat PTV dianggap sebagai satu kekuatan utama dalam sistem pendidikan di semua negara tersebut.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada BPTV (2013), seramai 25,433 orang calon dari SMT dan SMV telah mendaftar dan menduduki Peperiksaan SPM pada tahun 2012. Sementara itu, hanya seramai 5,833 orang pelajar atau 22.93% calon sahaja merupakan kumpulan pelajar daripada aliran teknikal. Jumlah tersebut masih dianggap rendah jika dibandingkan dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan modal insan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2020. Menurut Bakar (2009), Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) pernah mendedahkan bahawa, kekurangan pelajar aliran teknik dan vokasional kini adalah di peringkat kritikal. Isu kekurangan pelajar ini tidak seharusnya dikesampingkan oleh mana-mana pihak kerana dengan hanya seramai 35,000 pelajar aliran itu atau tujuh peratus daripada keseluruhan 500,000 pelajar bagi setiap kohort akan menjejaskan usaha kerajaan mencapai status negara maju menjelang 2020.

Menurut laporan Bernama (2012) pula, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga Menteri Pelajaran Malaysia pernah menyuarakan kebimbangan bahawa, Malaysia tidak akan menjadi negara kompetitif dan terus ketinggalan sekiranya bidang PTV tidak mengalami perubahan besar dengan segera. Perubahan yang dimaksudkan adalah termasuk dalam meningkatkan bilangan graduan dalam bidang teknikal.

Menurut Yahaya & Ismail (2011), walaupun mereka yang berjaya mendapat tempat di SMT adalah merupakan pelajar-pelajar yang terpilih berasaskan kelayakan, prestasi yang ditunjukkan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tidaklah menepati sesuatu yang membanggakan. Keputusan SPM 2012 menunjukkan bahawa, jumlah pelajar yang memperoleh 8A dan ke atas bagi aliran teknikal adalah seramai 210 orang sahaja berbanding 5833 orang pelajar keseluruhannya. Rujuk **LAMPIRAN F**.

Begitu juga dengan peratus kelulusan SPM keseluruhannya, aliran teknikal menunjukkan sedikit penurunan iaitu 96.77% pada tahun 2012 berbanding 98.29% pada tahun 2011 (BPTV, 2013). Rujuk **LAMPIRAN G**.

Jumlah tersebut dilihat sebagai suatu yang membimbangkan apatah lagi dengan kekurangan jumlah pelajar dalam aliran teknikal di SMT seluruh Malaysia. Pada hakikatnya, pakej-pakej bagi mata pelajaran yang ditawarkan dalam aliran teknikal dapat menyediakan kemahiran yang bersesuaian dengan kelayakan akademik pelajar. Kemahiran dan pakej lengkap yang dimiliki oleh pelajar cemerlang akademik bergelar graduan akan menjadi faktor terhadap pemilihan tenaga kerja. Hal ini demikian kerana, pada masa ini pasaran kerja graduan bukan lagi hanya bergantung kepada kecemerlangan akademik semata-mata, tetapi kualiti sendiri seseorang individu itu sendiri boleh mempengaruhi kebolehpasaran mereka (Mat Yazid, 2010). Kajian Ismail (2012) mendapati bahawa, prestasi yang diharapkan oleh majikan berbanding prestasi kerja sebenar graduan mempunyai jurang yang begitu ketara. Hal ini boleh menyebabkan peningkatan longgokan penganggur dalam kalangan graduan siswazah dari masa ke semasa.

Pada tahun 2009, 27% daripada siswazah institusi pengajian tinggi tempatan masih menganggur dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian, manakala yang berjaya mendapat pekerjaan pula, 33% daripada mereka memperoleh pendapatan

kurang daripada RM1,500 sebulan (KPM, 2012d). Menurut Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia,

*universiti-universiti dan politeknik di seluruh negara telah mengeluarkan 184,581 graduan pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, seramai 44,391 atau 24% daripada jumlah tersebut tidak mempunyai pekerjaan. Berdasarkan statistik kementerian, graduan daripada kursus Sastera dan Sains Sosial merupakan kelompok penganggur terbesar iaitu 44.5% atau 19,784 daripada jumlah keseluruhan graduan yang menganggur. Kelompok kedua pula ialah graduan kursus teknikal iaitu seramai 12,321 atau 27.7% manakala graduan kursus sains berada di tempat ketiga iaitu seramai 7,321 orang atau 16.49% daripada jumlah keseluruhannya. Statistik juga menunjukkan seramai 21,248 pemegang ijazah masih belum mempunyai pekerjaan manakala bagi pemegang diploma, hanya tiga peratus daripada jumlah graduan yang menganggur keseluruhannya. Menurut maklum balas sektor industri, masih ramai graduan yang menganggur disebabkan kursus yang mereka ambil di universiti tidak sesuai dengan keperluan dan permintaan pasaran (KPTM, 2012).*

Statistik yang diperolehi menunjukkan bahawa, pelajar lepasan siswazah lebih ramai yang menganggur berbanding pelajar lepasan diploma. Berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, sehingga Mac 2013, kadar pengangguran meningkat kepada paras 3.3%.berbanding hanya 2.9% pada Mac 2012. Kadar pengangguran tersebut meliputi kumpulan graduan siswazah dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini. Statistik yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia juga menunjukkan bahawa, ramai pelajar yang hanya cemerlang di peringkat sekolah dan universiti, tetapi masih tidak berjaya menembusi pasaran kerja (JPM, 2013). Ia merupakan pembaziran modal insan berkualiti yang seharusnya berpotensi kepada pembangunan sesebuah negara.

Oleh hal yang demikian, kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap bidang PTV perlu dikenal pasti dengan lebih awal. Hal ini bagi memastikan mereka yang memilih bidang ini benar-benar merupakan kumpulan yang berminat, bersedia, dan mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap masa hadapan bidang tersebut. Hal ini demikian kerana, pelajar daripada aliran ini bakal menceburi bidang kejuruteraan, teknologi dan keusahawanan jika berkecenderungan melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) yang berasaskan PTV.

Kecenderungan dan minat pelajar untuk mengikuti bidang PTV akan memudahkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia seiring dengan

kelayakan yang ada. Minat yang tinggi dapat mempengaruhi dan mendorong seseorang itu berusaha dengan gigih untuk menguasai apa yang dikehendaki (Yahaya & Ismail, 2011). Minat juga merupakan kecenderungan yang menyebabkan seseorang berusaha untuk mencari ataupun mencuba aktiviti-aktiviti dalam bidang tertentu. Menurut Harun (2006), sikap, minat dan motivasi memainkan peranan penting dalam menentukan tahap pencapaian masing-masing.

Sebagaimana sedia maklum, amatlah penting pelajar cemerlang akademik mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap bidang PTV sekiranya mereka ingin melanjutkan pelajaran dalam aliran pendidikan teknikal di peringkat menengah atas. Kesedaran yang ada dalam kalangan pelajar tersebut membuktikan bahawa mereka benar-benar mengambil tahu setiap maklumat terkini yang berkaitan dengan bidang berkenaan. Oleh hal yang demikian, bidang PTV seharusnya dipilih sebagai keutamaan bagi pelajar cemerlang akademik lepasan PMR dalam menentukan bidang pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Berdasarkan latar belakang masalah yang telah dinyatakan, kajian berkaitan kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV perlu dijalankan kerana terdapat beberapa isu yang dilihat amat penting untuk diberi perhatian oleh pihak-pihak tertentu. Antara isu yang dapat dikenal pasti dalam kajian ini adalah kekurangan jumlah pelajar aliran teknikal di sekolah menengah teknik (SMT) seluruh Malaysia, pengurangan pengambilan pelajar bidang teknikal di SMT bermula pada tahun 2013 dan peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan siswazah pada masa ini.

Isu pengangguran dalam kalangan graduan siswazah tidak akan berkesudahan sekiranya negara masih menghadapi kekurangan tenaga profesional termasuk dalam aliran teknikal. Statistik yang diperoleh adalah berdasarkan maklumat terkini daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM, 2012), seperti mana yang telah dinyatakan dalam latar belakang masalah. Hal yang demikian dapat dirumuskan bahawa, pelajar-pelajar cemerlang yang bakal bergelar graduan pada masa akan datang perlu membuat pemilihan bidang yang selari dengan minat, kemahiran, kemampuan dan

kehendak pasaran kerja agar tidak tergolong dalam kumpulan graduan cemerlang menganggur. Kesannya, mereka yang tercicir tidak akan dapat memberi sumbangan kepada kemajuan ekonomi negara masa hadapan serta hasrat untuk mencapai Wawasan 2020 sukar untuk direalisasikan.

Sehubungan itu, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) telah menggariskan tiga peranan utamanya untuk menyokong wawasan negara iaitu memastikan pelaksanaan dan kemajuan bidang PTV pada peringkat sekolah di dalam negara dengan menyediakan peluang kepada pelajar yang cenderung kepada bidang PTV, mengurangkan masalah keciciran pelajar, dan menyediakan peluang yang sama terhadap bidang PTV kepada semua pelajar. Dalam usaha mencapai hasrat tersebut, cabaran kepada pelajar cemerlang akademik dilihat sangat besar dengan berkurangnya jumlah SMT menerusi proses transformasi PTV yang bermula pada tahun 2013. Sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Pengarah BPTV bahawa, implikasi terhadap cabaran tersebut adalah bilangan pelajar yang bakal memasuki bidang teknikal di SMT seluruh negara adalah amat terhad (BPTV, 2012).

Natijahnya, peluang pelajar cemerlang yang layak untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang PTV akan menjadi semakin kecil. Dalam hal ini, KPM turut menyedari kepelbagaian minat dan kebolehan murid, serta bercadang membantu membangunkan potensi mereka dengan menyediakan peluang kepada murid untuk memilih laluan pendidikan pada pelbagai peringkat persekolahan menengah (KPM, 2012b). Oleh hal yang demikian, jika peluang yang disediakan tidak diisi oleh pelajar yang benar-benar cenderung terhadap bidang tersebut, perkara ini akan menjejaskan pencapaian pelajar itu sendiri serta mengakibatkan hasrat bagi melahirkan modal insan berkemahiran tinggi yang layak mendapat tempat dalam pasaran kerja tidak akan tercapai.

Dalam usaha mengatasi cabaran tersebut, seharusnya kumpulan pelajar yang benar-benar cenderung terhadap bidang PTV perlu diberi keutamaan untuk meneruskan pembelajaran di SMT selain daripada kelayakan yang dimiliki berdasarkan pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Hal ini demikian kerana, kecemerlangan dalam Peperiksaan PMR belum tentu menjanjikan bahawa mereka akan lebih cemerlang pada peringkat pembelajaran yang seterusnya sekiranya ia tidak berlandaskan kepada minat dan kecenderungan terhadap bidang yang dipohon.



Daripada pernyataan masalah yang disenaraikan, pengkaji mendapati bahawa, kajian berkaitan kecenderungan yang meliputi aspek minat, kesediaan dan kesedaran terhadap bidang PTV perlu diambil perhatian memandangkan masih belum banyak kajian dihasilkan terutamanya berkaitan aliran teknikal yang dikhususkan kepada pelajar cemerlang akademik. Di sini, timbul persoalan sama ada kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap bidang PTV berada pada tahap yang tinggi atau pun sebaliknya. Selain itu, ketiga-tiga aspek tersebut juga perlu dikenal pasti sama ada ia saling berhubungan antara satu sama lain terhadap perkara-perkara yang berkaitan bidang PTV. Harapan tersebut akan dapat dipenuhi sekiranya kajian-kajian yang berkaitan dengan kecenderungan terhadap sesuatu bidang pembelajaran itu sentiasa diberi perhatian dan dilaksanakan secara berterusan.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Penulisan berkaitan minat, kesediaan dan kesedaran pelajar terhadap bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) sering menjadi perhatian pengkaji-pengkaji bagi mendapatkan pelbagai maklumat yang berkaitan dengan kajian mereka. Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kecenderungan pelajar-pelajar cemerlang akademik tingkatan tiga di sekolah-sekolah menengah harian daerah Batu Pahat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang PTV pada peringkat yang lebih tinggi.

#### **1.5 Objektif Kajian**

Secara khusus, kajian ini dijalankan adalah untuk :

- i. Mengetahui minat pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- ii. Mengetahui kesediaan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- iii. Mengetahui kesedaran pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional pada masa ini.

- iv. Mengetahui pasti aspek kecenderungan paling dominan dalam kalangan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional.
- v. Mengetahui pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara aspek minat, kesediaan dan kesedaran dalam kalangan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional.

## **1.6 Persoalan Kajian**

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan yang berikut :

- i. Apakah tahap minat pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional?
- ii. Apakah tahap kesediaan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional?
- iii. Apakah tahap kesedaran pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional pada masa ini?
- iv. Apakah aspek kecenderungan paling dominan dalam kalangan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional?
- v. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara aspek minat, kesediaan dan kesedaran dalam kalangan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional?

## **1.7 Hipotesis kajian**

Berdasarkan kepada persoalan kajian, hipotesis yang telah dibuat adalah berkaitan hubungan antara aspek minat, kesediaan dan kesedaran pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV.

Hipotesis Null, ( $H_0$ ):

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara aspek minat, kesediaan dan kesedaran dalam kalangan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV.

Hipotesis Alternatif, ( $H_a$ ):

Terdapat hubungan yang signifikan antara aspek minat, kesediaan dan kesedaran dalam kalangan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV.

## **1.8 Skop Kajian**

Bersesuaian dengan tajuk kajian, ‘Kecenderungan Pelajar Cemerlang Akademik Terhadap Pemilihan Bidang PTV’, skop kajian ini adalah tertumpu kepada pelajar-pelajar tingkatan tiga yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Percubaan PMR 2013 di sekolah-sekolah menengah harian dalam daerah Batu Pahat sahaja.

- i. Kajian ini hanya melibatkan kumpulan pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Percubaan PMR 2013 dengan memperoleh sekurang-kurangnya 7A dalam semua mata pelajaran teras yang diambil. Pelajar yang memperoleh 7A diambil kira dalam kajian ini memandangkan mereka merupakan pelajar yang turut disasarkan memperoleh semua A dalam Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2013. Selain itu, pencapaian 7A yang diperoleh telah melepasi syarat minima untuk pelajar tersebut memohon aliran pendidikan teknikal di mana-mana sekolah menengah teknik (SMT) seluruh Malaysia.
- ii. Kajian ini hanya melibatkan 25 buah sekolah menengah harian di daerah Batu Pahat, Johor.
- iii. Kajian ini hanya memfokuskan kepada aspek minat, kesediaan dan kesedaran pelajar cemerlang akademik terhadap perkara yang berkaitan bidang PTV.


## **1.9 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar-pelajar tingkatan tiga yang mendapat keputusan cemerlang dengan memperoleh sekurang-kurangnya 7A dalam Peperiksaan Percubaan Penilaian Rendah (PMR) 2013 di sekolah-sekolah menengah harian dalam daerah Batu Pahat, Johor sahaja. Kajian ini dibataskan kepada daerah Batu Pahat kerana pelajar

tersebut mempunyai ciri-ciri populasi yang serupa dengan daerah-daerah dan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

### **1.10 Kerangka Konsep Kajian**

Kerangka konsep yang dibangunkan ini adalah untuk menjelaskan secara grafik tentang kajian yang dijalankan. Ia merupakan kunci utama kepada hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tidak bersandar yang dikaji, aspek-aspek yang mempengaruhi kajian dan bentuk binaan kajian yang dijalankan. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang diadaptasi daripada Teori Pemilihan Vokasional “Teori Holland” (Holland, 1973).



Rajah 1.1: Kerangka Konsep Kajian  
Adaptasi daripada Teori Pemilihan Vokasional “Teori Holland” (Holland, 1973)

### **1.11 Kepentingan Kajian**

Setiap kajian mempunyai kepentingannya yang tersendiri agar tindakan susulan dapat diambil. Kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) perlu diambil perhatian kerana sekiranya terdapat isu-isu yang timbul, maka beberapa penambahbaikan mungkin dapat dilakukan melalui beberapa cadangan yang bakal dikemukakan. Terdapat pelbagai faedah yang boleh diperolehi melalui kajian ini, terutamanya kepada pelajar, ibu bapa, guru, sekolah, masyarakat, jabatan-jabatan pendidikan negeri mahu pun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

#### **i. Pelajar**

Pelajar perlu menyedari kepentingan untuk menentukan pilihan bidang masing-masing berdasarkan minat, kesediaan dan kesedaran yang ada. Pelajar juga dapat meningkatkan usaha mereka untuk memajukan diri dan mengurangkan segala kelemahan yang ada pada diri. Selain itu, pelajar dapat memilih bidang yang tepat dan bersesuaian dengan kebolehan dan kemahiran masing-masing.

#### **ii. Guru**

Guru dapat membantu dan membimbing pelajar untuk memberi gambaran jelas terhadap bidang PTV serta dapat mengenal pasti hala tuju pelajar dalam menentukan bidang pembelajaran berdasarkan kebolehan dan kemahiran mereka.

#### **iii. Sekolah**

Membantu pihak sekolah menambah input atau maklumat tentang perkara-perkara yang perlu dititikberatkan dalam membantu pelajar menentukan hala tuju mereka selepas Penilaian Menengah Rendah (PMR). Hal ini juga dapat memberikan garis panduan kepada pihak sekolah dalam merangka pelbagai program kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang kelebihan dan masa hadapan mereka dalam bidang PTV.

iv. Ibu Bapa

Memberi kesedaran kepada ibu bapa dalam membentuk minat dan mendorong anak-anak memilih bidang PTV. Hal ini melibatkan sokongan ibu bapa bagi memastikan anak-anak mempunyai minat yang tinggi untuk memilih bidang PTV sebagai pilihan utama pada masa ini.

v. Masyarakat

Memberi kesedaran kepada masyarakat dalam mengubah persepsi negatif terhadap bidang PTV kepada persepsi yang lebih positif agar dapat mengiktirafnya sebagai pilihan utama dalam kerjaya rakyat Malaysia.

vi. Jabatan Pendidikan Negeri

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi maklumat penting terhadap pengurusan pendidikan di peringkat negeri agar dapat melihat faktor-faktor penting dalam pemilihan pelajar terhadap bidang PTV. Maklumat ini juga berguna agar pelbagai kursus kesedaran dan persediaan terhadap bidang PTV dapat disediakan.

vii. Kementerian Pendidikan Malaysia

Hasil kajian ini diharapkan dapat digunakan untuk mengesan kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV dan kesannya kepada hala tuju kerjaya pelajar. Perkara ini juga dapat membantu merangka lebih banyak pertumbuhan sekolah-sekolah yang berasaskan PTV pada masa hadapan.

## 1.12 Definisi Istilah

Definisi istilah menjelaskan maksud bagi perkataan istilah yang digunakan dalam kajian. Terdapat beberapa definisi atau istilah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini bagi menerangkan sesuatu perkara dengan lebih jelas selari dengan makna atau maksud yang hendak diutarakan.

### **1.12.1 Kecenderungan**

Kecenderungan merujuk kepada kesediaan mental yang disusun melalui pengalaman dan mempengaruhi gerak balas individu terhadap semua objek dan situasi yang berkaitan dengannya (Raman, 2005). Hamzah (2004) pula menyifatkan kecenderungan sebagai satu proses penting dalam pembelajaran yang bermaksud seseorang membuat interpretasi atau memberi makna kepada rangsangan yang diterima oleh derianya. Kecenderungan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah meliputi aspek minat, kesediaan dan kesedaran pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV.

### **1.12.2 Pelajar Cemerlang Akademik**

Pelajar cemerlang akademik sering dikaitkan dengan mereka yang berupaya mencapai kejayaan dalam kehidupannya. Pencapaian yang cemerlang dalam akademik dapat dilihat daripada pencapaian seseorang dalam peperiksaan sama ada di sekolah atau pusat pengajian tinggi (Dundang, 2006). Menurut Royo & Mahmood (2011), kecemerlangan pelajar sering dikaitkan dengan keputusan yang baik disertai dengan usaha mereka yang bersungguh-sungguh untuk terus kekal cemerlang berdasarkan keputusan peperiksaan yang diperolehi. Keputusan peperiksaan ini dapat menilai pencapaian pelajar sama ada pada tahap cemerlang, baik, sederhana atau lemah. Oleh itu, pengkaji mendefinisikan pelajar cemerlang akademik dalam kajian ini sebagai pelajar yang belajar di tingkatan tiga bagi sekolah-sekolah menengah harian daerah Batu Pahat yang memperoleh sekurang-kurangnya 7A dalam mata pelajaran teras bagi Peperiksaan Percubaan PMR 2013. Hal ini demikian kerana, pelajar yang memperoleh 7A dalam peperiksaan tersebut merupakan mereka yang turut disasarkan untuk memperoleh 8A dalam Peperiksaan PMR 2013.

### **1.12.3 Pendidikan Teknik dan Vokasional**

Pendidikan Teknik & Vokasional (PTV) bermaksud pendidikan untuk membentuk kemahiran, kebolehan, kefahaman, sikap, tabiat kerja dan nilai dalam individu untuk



memasuki dan seterusnya memajukan diri dalam bidang pekerjaan (Tajul Ariffin, 2010). Ia merupakan salah satu cabang pendidikan yang diwujudkan bagi memberi peluang kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan terhadap bidang teknikal untuk memenuhi keperluan tenaga kerja di industri di dalam mahu pun di luar negara.

### **1.13 Rumusan**

Gambaran secara umum mengenai kajian yang akan dijalankan telah diterangkan secara terperinci dalam bab ini. Bab seterusnya akan menerangkan mengenai kajian literatur berkaitan kecenderungan pelajar cemerlang akademik yang meliputi aspek minat, kesediaan dan kesedaran terhadap pemilihan bidang PTV.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan beberapa hasil kajian literatur yang berkaitan kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV). Tiga aspek kecenderungan yang dikaji meliputi minat, kesediaan dan kesedaran pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV. Selain itu, bagi melaksanakan kajian ini pelbagai maklumat dan sumber yang berkaitan kecenderungan pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV telah dirujuk dan dikupas. Pelbagai sumber sekunder yang melibatkan kajian literatur telah digunakan dan menjadi rujukan seperti jurnal-jurnal, tesis-tesis, buku-buku ilmiah dan capaian laman web, bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.

Antara dapatan-dapatan yang berkaitan tujuan asal kajian ini adalah seperti aliran pendidikan teknikal dalam PTV, ciri-ciri pelajar cemerlang akademik, kecenderungan pelajar terhadap bidang pendidikan serta aspek minat, kesediaan dan kesedaran terhadap perkara-perkara yang berkaitan bidang PTV. Kajian-kajian lepas yang diutarakan dapat menjadi panduan bagi mengaitkan kecenderungan sebenar pelajar cemerlang akademik terhadap pemilihan bidang PTV dari aspek minat, kesediaan dan kesedaran. Kajian-kajian lepas yang berkaitan kajian ini amat berguna sebagai panduan dan asas bagi menyokong dan menyumbang kepada pelbagai maklumat yang berguna.

## 2.2 Aliran Pendidikan Teknikal Dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) memainkan peranan penting dalam menangani cabaran bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai minda kelas pertama. Namun, cabaran tersebut bukanlah mudah untuk ditangani jika pelajar cemerlang akademik tidak jelas dengan hala tuju dan matlamat hidup mereka sendiri. Menurut Norihan *et al.*, (2011), sistem PTV sebenarnya terdiri daripada dua elemen iaitu Pendidikan teknikal dan Pendidikan Vokasional. PTV boleh dijalankan menerusi pembelajaran sepenuh masa atau separuh masa, di mana-mana institusi pendidikan awam mahupun swasta, menerusi pembiayaan kerajaan atau swasta, secara formal atau tidak formal dan juga bagi mereka yang sedang bekerja atau ingin memasuki alam pekerjaan.

Sebagaimana sedia maklum, peluang pelajar cemerlang akademik untuk memilih bidang PTV adalah lebih menjurus kepada aliran pendidikan teknikal yang ditawarkan di sekolah menengah teknik (SMT) seluruh Malaysia. Bidang ini merupakan komponen yang sama pentingnya dalam sistem pendidikan negara, malah berperanan besar dalam meningkatkan kemajuan negara. Menurut Ung (1972), pendidikan teknikal adalah suatu proses pendidikan bersifat teori dan praktikal di semua peringkat di dalam pelbagai peringkat perkhidmatan dan penghasilan. Aliran pendidikan teknikal adalah bertujuan untuk menyediakan para pelajar yang cenderung kepada bidang teknikal di peringkat menengah atas bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang tersebut (Abu Bakar *et al.*, 2011).

Para pelajar yang mengikuti aliran ini akan dibekalkan dengan kemahiran teknikal melalui pendidikan formal yang dilaksanakan secara teori mahupun amali. Menurut Abdullah Zawawi (2011), kemahiran teknikal adalah keupayaan menggunakan pengetahuan spesifik, prosedur dan teknik dalam sesuatu bidang seperti dalam bidang kejuruteraan. Selain pendidikan formal, kemahiran teknikal juga boleh diperoleh melalui pengalaman bekerja. Biasanya kemahiran teknikal yang didapati daripada pendidikan formal kemudiannya diperkembangkan melalui latihan yang sesuai dan pengalaman yang diperolehi daripada kerja yang dilakukan (Abdul Azizi, 2000).

Pada waktu yang sama, kemahiran teknikal yang diperlukan dalam kalangan graduan bersesuaian dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang ingin menjadikan pendidikan sebagai saluran bagi menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan dan kemajuan negara serta memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia (KPM, 2012a). Menurut Kasa (2004), penggerak utama pembangunan industri adalah penguasaan dan aplikasi kemahiran teknikal dan vokasional oleh barisan tenaga pekerja yang mahir dan pakar di beberapa bidang berkaitan. Justeru, bagi memenuhi keperluan dan permintaan industri, Malaysia amat memerlukan lebih ramai golongan tenaga kerja mahir. Oleh hal yang demikian, pelajar cemerlang akademik seharusnya turut cenderung ke arah bidang pemilihan bidang PTV khususnya aliran pendidikan teknikal.

Menurut Abdul Ghani (2008), permintaan terhadap tenaga pekerja teknikal dan vokasional terutamanya kumpulan mahir dan separa mahir semakin meningkat akibat kepesatan ekonomi negara yang menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Namun, kajian Ahmad (2005) terhadap lulusan teknikal mendapati, 80,000 lulusan teknikal yang masih menganggur, dan mendapati lulusan teknikal banyak bergantung kepada kelayakan akademik semata-mata untuk mendapat pekerjaan serta kurang kompetensi kemahiran 'employability' yang diperlukan oleh majikan. Meskipun kajian Rasul *et al.* (2009) mendapati pertambahan bilangan lulusan teknikal yang dikeluarkan oleh Institusi Pendidikan Teknikal Malaysia mencukupi bagi memenuhi pasaran buruh, namun sekiranya kompetensi yang ada tidak menepati kehendak majikan, kadar pengangguran tetap tidak akan berkurangan. Oleh hal yang demikian, aliran pendidikan teknikal seharusnya dilaksanakan dengan lebih terancang dan terurus dalam menyediakan individu-individu yang boleh diterima bekerja dan juga dapat mendidik mereka sebagai usahawan pada masa hadapan.

Dapatan ini adalah sepadan dengan kajian Mustapha (2002) yang mendapati bahawa, majikan dari industri pembuatan di Malaysia mendapati lulusan-lulusan teknikal di Malaysia mempunyai kemahiran teknikal lebih daripada mencukupi tetapi majikan masih kurang berpuas hati dengan kemahiran komunikasi, interpersonal, pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan kemahiran keusahawanan yang dimiliki oleh lulusan teknikal ini. Kajian Md Nasir *et al.*, (2011) pula mendapati bahawa,

walaupun kemahiran teknikal adalah asas untuk pekerjaan, kemahiran bukan teknikal pula adalah pelengkap sempurna kepada pekerja-pekerja mahir dalam industri. Melalui kajian yang dilakukan, beberapa kaedah diperlukan untuk memastikan pekerja-pekerja mahir mempunyai kemahiran bukan teknikal mereka yang setaraf dengan keupayaan mereka dalam kemahiran teknikal. Kesimpulannya, pekerja mahir dalam kalangan pelajar cemerlang akademik di bidang teknikal juga perlu dilengkapi dengan kecekapan kemahiran bukan teknikal yang diperlukan oleh industri.

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia merupakan salah satu mata pelajaran yang berkaitan secara langsung dengan bidang PTV. Mata pelajaran KHB mengandungi pelbagai teori dan kemahiran tertentu untuk para pelajar menguasainya. Ilmu teori dan amali yang diperkenalkan juga dapat membantu pelajar tersebut memperoleh pengetahuan, kemahiran dan pengalaman asas yang diperlukan dalam kehidupan seharian. Pelajar-pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia diperkenalkan dengan mata pelajaran KHB bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Mata pelajaran KHB menawarkan empat elektif iaitu Kemahiran Teknikal (KT), Ekonomi Rumah Tangga (ERT), Pertanian (PT), dan Perdagangan dan Keusahawanan (PK). Setiap elektif yang ditawarkan melibatkan kategori pelajar pelbagai latar belakang pencapaian akademik termasuk pelajar cemerlang.

Pada kebiasaannya, tawaran terhadap pemilihan elektif untuk pelajar disediakan oleh pihak sekolah dan turut bergantung kepada kemahiran guru yang ada. Peluang untuk pelajar cemerlang akademik melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah atas dalam aliran teknikal terbuka luas menerusi pakej-pakej kursus yang disediakan di sekolah-sekolah menengah teknik (SMT) seluruh Malaysia. Namun, kecenderungan pelajar berdasarkan aspek minat, kesediaan dan kesedaran terhadap pelbagai pakej istimewa yang disediakan dalam aliran tersebut perlu seiring dengan kelayakan yang ada. Ia bagi memastikan aliran teknikal yang dipilih benar-benar dapat memenuhi hala tuju sebenar pelajar dalam bidang kerjaya.

## RUJUKAN

- Abd. Ghafar, M. N. ( 2003 ). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Abd. Kadir, H., Mustafa, M. S. & Syed Mansor Al-Habshi, S. S. (2004). Pola Personaliti-Persekitaran (P-E Fit) dan Perbandingan Kongruen Personaliti Persekitaran (Eat) Pelajar Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Tidak diterbitkan.
- Abd. Mutalif, S. A. (2003). *Mengenal Pasti Tahap Motivasi Dan Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Semester Akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal: Satu Tinjauan Di Kuittho*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Abd. Razak, S., Hamzah, R., Abu, R. & Kasa, Z. (2010). Motivasi Pelajar Sekolah Menengah Teknik dan Persepsi Mereka Terhadap Pengajaran Guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 11*, 105-131.
- Abdul Azizi (2000). *“Pengurusan dan Gelagat Organisasi di Abad Ke 21”*. Prentice Hall.
- Abdul Ghani, M. R. (2008). *Persepsi Pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Daerah Kuala Terengganu dan Besut Terhadap Perlaksanaan Mata Pelajaran Vokasional (MPV) Landskap dan Nurseri*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Abdul Rahim, R. (1996). *Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Pilihan Pertanian*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Sarjana.
- Abdul Razak, M. N. (2010). Teks Ucapan Pembentangan RMK 10, 2010. Dicapai pada Jun 30, 2013, dari [http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%2014\\_6\\_10.pdf](http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%2014_6_10.pdf) .

- Abdul Razak, S. (2005). *Motivasi, Gaya Pembelajaran dan Kebolehan Kognitif Pelajar Sekolah Menengah Teknik*. Universiti Putra Malaysia: Tesis PhD.
- Abdullah Zawawi, S. S. (2011). *Transformasi PTV: Kesiediaan Guru-Guru Vokasional Terhadap Pelaksanaan Kolej Vokasional KPM Dari Aspek Tahap Kemahiran. CIETVT 2011*. Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional. Penyelidikan & Inovasi Pemacu Transformasi Pendidikan Dan Latihan Teknik Vokasional.
- Abu Bakar, B. (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Perak : Quantum Books.
- Abu Bakar, R. A. & Hamzah, R. & Udin, A. (2011). Cabaran-Cabaran Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional Dalam Membangunkan Sumber Manusia. *Journal of Edupres*, 1, 159-164. Dicapai pada Jun 01, 2013, dari <http://eprints.utm.my/17060/1/JOE-1-2011-021.pdf>
- Ahmad Sipon (2001). *Ucaptama: Hala tuju dan Cabaran Pendidikan Vokasional di Sekolah Menengah Akademik*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Asas Vokasional, 7-10 November 2001. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Ahmad, A. R. (2005). *Mahasiswa Abad ke 21*. Bangi: UKM dan Yayasan Istana Abdul Aziz.
- Ali, H., Ahmad, L., Ahmad, S. & Ali, N., (2009). Keperluan, Kepentingan dan Sumbangan Perancangan Pendidikan Dalam Pembangunan Ekonomi Malaysia. *Jurnal e-Bangi*, 4 (1), 13-29.
- Alsagoff, S. A. (1987). *Psikologi Pendidikan II*. Kuala Lumpur: Longman Sdn. Bhd.
- Amri, A. Z. A. (2009). *PSQ- Rahsia Personaliti Unggul*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Anderson, L. W. (1994). *Attitude, measurement of In.T. Husen (ed.)*. The International Encyclopedia of Education. (2nd ed.), 1.Oxford: Pergamon.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV, 2012). *Pengenalan Transformasi PTV*. Dicapai pada Mei 20, 2013, dari <http://www.bptv.edu.my/v3/index.php/transformasi-pendidikan-vokasional>
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV, 2013). *Analisis Keputusan SPM 2012*: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Bakar, Z. (2009, April 23). *Mengatasi Kekurangan Pelajar Teknik & Vokasional*: pengarang@utusan.com.my. Dicapai pada Mei 09, 2013, dari <http://utusanonline.com.my>
- Bernama (2012, Januari 06). *Pendidikan Vokasional Perlukan Perubahan Besar Dan Segera*. Dicapai pada Mei 29, 2013, dari [http://www.bernama.com/bernama/state\\_news/bm/news.php?id=638282&cat=tn](http://www.bernama.com/bernama/state_news/bm/news.php?id=638282&cat=tn)
- Bohari, S. (2008). *Kesediaan Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan Di Kalangan Pelajar-Pelajar Bumiputera Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Sekitar Skudai, Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Borg, W R. and Gall, D. (1979). "*Educational Research: An Introduction*". New York: Longman.
- Buntat, Y. & Mohd Zahari, N. A. (2011). Kesesuaian Kemahiran Asas Pertanian Di Sekolah Menengah Teknik/Vokasional Pertanian ke Arah Persediaan Menceburi Bidang Usaha Tani. *Journal of Technical, Vocational and Engineering Education*, 88-101.
- Chia, P., Hamzah, R. & Udin, A. (2011). PTV Diutamakan, Self-Actualization Didahulukan. *Journal of Edupres*, 1, 65-172.
- Chua, Y. P., (2006). "*Kaedah Penyelidikan*". Malaysia McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2000). *Research Methods in Education*. London: Routledge Falmer.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2012). *Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa & Pustaka*. Dicapai pada Mei 30, 2013, dari <http://www.dbp.gov.my>
- Donald, H. M., Theresa, L. W. (2007). "*Research Method*." Thomson Wordsworth.
- Dundang, M. (2006). *Hubungan Personaliti Ekstrovert dan Introvert Dengan Pencapaian Akademik Pelajar*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tesis Sarjana Muda.
- Elwood, W., (2001). *No-Nonsense Guide to Globalization*, New International Publications, Oxford.



- Emat, H. Y. (1993). Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional ke Arah Mencapai Wawasan 2020, Malaysia. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan*, 37, 78.
- Gay, L. R. & Airasian, P. (2003). *Educational Research. Competencies for analysis and applications*. Ed. ke-7. Ohio: Merrill Prentice Hall.
- George, D. & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference*. Edisi 4. Boston: Allyn & Bacon
- Ghani, M. Z., Che Aman, R., Nik Yaacob, N. R. & Che Ahmad, A. (2008). Perbezaan Personaliti Ekstrovert dan Introvert Dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas Akademik (PCA) Berdasarkan Gender. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 23, 111–122.
- Hamdan, A. R. & Ab. Latif, S. L. (2011). Kesiediaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang. *Journal of Technical, Vocational and Engineering Education*, 1, 72-87.
- Hamdan, A. R. & Shaharin, N. S. (2010). Kesiediaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar, Seremban. Universiti Teknologi Malaysia : *Journal of Technical, Vocational and Engineering Education*, 1, 72-87.
- Hamdan, A. R. & Musa, N. (2011). Kesiediaan Pelajar Tingkatan Empat Mempelajari Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Seri Iskandar, Perak. *Journal of Technical Vocational & Engineering Educational*, 2, 36-49.
- Hamzah, A. M. (2004). “*Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pelajar-pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Akademik Daerah Muar Memilih Mata Pelajaran Teknikal Lukisan Kejuruteraan Sebagai Mata Pelajaran Elektif.*” KUiTTHO: Tesis Sarjana Pendidikan.
- Harun, H. ( 2006 ). “Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih.” *Jurnal Pendidikan*, 31, 83-96.
- Hashim, W. (2007). Pendidikan Masa Kini Ke Arah Melahirkan Generasi Berkualiti. *Jurnal Guru 16 Mei*, 426-436.

- Hassan, N. H. ( 2012, Disember 20). Keputusan PMR Johor Terbaik Tahun Ini. Utusan Online. Dicapai pada Mei 25, 2013, dari <http://www.utusan.com.my/utusan/search.asp?Str=keputusan+pmr+2012+peringkat+negeri+johor&stype=kw&Action=Search&sb=la>
- Holland, J. L. (1973). *Making Vocational Choice: A Theory of a Career*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Holland, J. L. (1985). *Making Vocational Choices*. 2nd ed. Odessa, FL.: Psychological.
- Ibrahim, I. (2007). *Kajian Persepsi Pelajar Aliran Teknikal di Salah Sebuah Sekolah Menengah di Johor Bahru Johor Terhadap Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Ismail, M. H., (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII*. Ipoh, Perak: Universiti Kebangsaan Malaysia. ms. 906-913.
- Ismail. S. (2011). Program Transformasi Pendidikan Vokasional Bermula Pada 2013- Muhyiddin. Dicapai pada Mei 20, 2013 dari [di http://web8.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=612538](http://web8.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=612538)
- Ivan, H. (2007). *Perlaksanaan pendidikan dan latihan teknik-vokasional di German Malaysian Institute, Malaysia*. Universiti Putra Malaysia: Tesis PhD.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2013, Mei). *Perangkaan Tenaga Buruh, Malaysia, Mac 2013*. Dicapai pada Mei 25, 2013, dari [http://www.statistics.gov.my/portal/images/stories/files/LatestReleases/employment/2013/Labour\\_Force\\_Indicator\\_Malaysia\\_Mac\\_2013BM.pdf](http://www.statistics.gov.my/portal/images/stories/files/LatestReleases/employment/2013/Labour_Force_Indicator_Malaysia_Mac_2013BM.pdf)
- Kamus Dewan (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamro, M. (2012). *Kesediaan Menceburi Kerjaya Kejuruteraan Binaan Dalam Kalangan Pelajar Jurusan Binaan Bangunan Di Sekolah Menengah Vokasional*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Kasa, Z. (2004). *Pendidikan Teknik & Vokasional: Sejauhmana Memenuhi Keperluan Pasaran Buruh Negara*. Kertas Kerja Seminar Pemantapan PTV: KUiTTHO. Tidak diterbitkan.

- Kasbi, A. K. (2004). *Persepsi Murid Lelaki Terhadap Mata pelajaran Pilihan (II) Ekonomi Rumahtangga (ERT) di Sekolah-sekolah Akademik Harian Biasa*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Kassim, F. (2008). *Faktor Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan Empat Kejuruteraan Elektrik Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Terengganu, Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). Lembaga Peperiksaan Malaysia. Dicapai pada Mac 30, 2013, di <http://www.moe.gov.my/lp>
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012a). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Dicapai pada Mei 11, 2013, dari ms.20  
di <http://www.moe.gov.my/bppdp/dasar/BUKU%20DASAR.pdf>
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012b). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Dicapai pada April 12, 2013, dari ms. 156-157  
di <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012c). *Rancangan Malaysia ke Sepuluh: Meningkatkan Kemahiran Rakyat Malaysia Untuk Meluaskan Kebolehpasaran*. Dicapai pada Mei 12, 2013, dari ms. 219,  
di [http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%2014\\_6\\_10.pdf](http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%2014_6_10.pdf)
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012d). *Rancangan Malaysia ke Sepuluh: Membangun dan Membekalkan Modal Insan bertaraf Dunia*. Dicapai pada Mei 20, 2013, dari ms. 220,  
di [http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%2014\\_6\\_10.pdf](http://www.moe.gov.my/userfiles/file/RMK10bab5%2014_6_10.pdf)
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012e). *Teks Ucapan YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Bin Hj Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri, Merangkap Menteri Pelajaran Malaysia, di Majlis Perutusan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia 2012*. Dicapai pada Jun 02, 2013, dari  
[http://www.moe.gov.my/upload/galeri\\_awam/2012/1326176636.pdf](http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awam/2012/1326176636.pdf)
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2012). *Punca Graduan Sukar Dapat Kerja*. Dicapai pada Mei 20, 2013, dari  
<http://blog.mohe.gov.my/2012/11/punca-graduan-sukar-dapat-kerja.html>
- Knowles, M. S. (1975). *Self-Directed Learning*. Chicago: Follet.

- Konting, M. M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Sail, R., Md. Aroff, A. R., Abu Samah, A., Mohd Noah, A. M. S. & Kasa, Z. (2007). *"Handbook on social skills and social values in technical education and vocational training*. Department of Skills Development, Ministry of Human Resources, Malaysia. Putrajaya.
- Mansor, M. (2001). *Tinjauan Terhadap Faktor-Faktor Yang Berkaitan Pemilihan Kerjaya Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Muda.
- Masri, S. (1996). *Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mat Isa, A. S. (2004). *Prospek Pelaburan Pendidikan Sekolah Menengah Teknik Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mat Yazid, R., (2010). *Penerapan Kemahiran 'Personal Qualities' Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Kejuruteraan Melalui Aktiviti Pembelajaran*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mc Clelland, D. C. (1967). *The Achieving Society*. New York: The Free Press.
- Mc Dermott, R. J. & Sarrela, P. D. (1996). *Health Education Evaluation and Measurement. A Practitioner's Perspective*. 2nd Edition, New Jersey. Prentice Hall Englewood, 147-148.
- Md Nasir, A. N., Ali, D. F., Noordin, M. K. & Nordin M. S. (2011). *Technical skills and non-technical skills. Predefinition concept*. Proceedings of the IETEC' 11 Conference, Kuala Lumpur, Malaysia. Dicapai pada Mei 20, 2013, dari [http://www.ietec-conference.com/ietec11/Conference%20Proceedings/ietec/papers/Conference%20Papers%20Refereed/Monday/MP2/MP2.3\\_20.pdf](http://www.ietec-conference.com/ietec11/Conference%20Proceedings/ietec/papers/Conference%20Papers%20Refereed/Monday/MP2/MP2.3_20.pdf)
- Minghat, A. D. & Disun, S. A. (2011). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kursus Rekaan dan Jahitan Di Daerah Muar, Negeri Johor*. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 4, 58-76. Dicapai pada Mac 30, 2013, dari <http://www.eprints.utm.my/19547/1/JTVEE-4-2011-005.pdf>

- Mohamad, B. & Salleh., M. J. (2009). Pembangunan Modal Insan Sebagai Satu Pelaburan Penting Dalam Konteks Pembinaan Negara. Prosiding “Seminar Pembangunan Modal Insan 2009”, Tema: Kecemerlangan Modal Insan. Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa Kota Bharu Kelantan: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. ms. 1-17.
- Mohammad, R. K. (1999). *Faktor Pemilihan Bidang Serta Pencapaian Prestasi Pelajar Di Sekolah Menengah Teknik*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Ali, H. (1994). “*Strategi Lulus Peperiksaan Dengan Cemerlang*”. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services Sdn. Bhd.
- Mohd Azmi, N. S. (2008). *Kesediaan Pelajar Mempelajari Matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Terengganu, Terengganu*: Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Daud, M. R. (2008). *Pendidikan Vokasional Pada Perspektif Pelajar Orang Asli Di Empat Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Dalam Daerah Rompin Pahang*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Faiz, N. S., Mohamed, M. & Zahit, R. (2006). Gaya Pembelajaran Pelajar Cemerlang- Satu Kajian Dalam Membantu Meningkatkan Kualiti Pembelajaran. *Seminar TVE'06: KUiTTHO*. Tidak diterbitkan.
- Mohd. Rejab, H. (2008). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesediaan Pelajar-pelajar Aliran Vokasional Untuk Memilih Kerjaya Dalam Bidang Yang Dipelajari*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd. Saffa (2009). *Kesesuaian Minat Kerjaya Dengan Bidang Yang Diikuti Oleh Pelajar Di Sekolah*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Montel, N. A. (2007) *Kecenderungan Pemilihan Bidang Pengkhususan Dalam Kalangan Pelajar UTHM dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Mustapha, R. (2002). *The Role of Vocational and Technical Education in the Industrialization of Malaysia as Perceived by Educators and Employers*. Doctoral Dissertation. Purdue University.

- Muthusamy, J. (2008). *Tinjauan Terhadap Tahap Kesiapan Pelajar Mengikuti Peluang Latihan di ADTEC*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Nik Pa, N A. (1999). Mitos dan realiti tentang pelajar pintar cerdas. *Jurnal Kebajikan*, 16(2), 87–112.
- Norihan, I. S., Hamzah, R. & Udin, A. (2011). Kemantapan Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Teras Kemenjadian Guru Pendidikan Teknik Dan Vokasional. *Journal of Edupres*, 1, 357-363. Dicapai pada Oktober 01, 2013 dari <http://eprints.utm.my/17085/1/JOE-1-2011-043.pdf>
- Nunally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric theory*. Ed. ke-3. New York: McGraw Hill.
- Osman, A. (2004). *Faktor-faktor Pengaplikasian Kemahiran Elektif ERT oleh Pelajar Tingkatan Empat Dalam Kehidupan Sehari-hari di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Pudu dan Sekolah Menengah Cheras Kuala Lumpur, Satu Tinjauan*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Othman, M. Z., Hamzah, R., Norihan, I. S., Aripin, M. A. (2011). Dua Teras, Satu Destinasi: Pelan Reformasi Strategik PTV Ke Arah Pembangunan Sejahtera. *Jurnal Teknologi*, 56, 101-111.
- Patton, M. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Beverly Hills, CA: Sage.
- Raman, K. H. (2005). “*Persediaan Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional KUiTTHO Terhadap Profesion Keguruan Dari Aspek Sikap, Pengetahuan Dan Kemahiran*.” KUiTTHO: Tesis Sarjana.
- Rasul M. S., Ismail, M. Y., Ismail N., Rajuddin, M. R. & Abdul Rauf, R. A. (2009). Peranan Institusi Pendidikan Teknikal Dalam Pemupukan Kemahiran ‘Employability’ Pelajar. *Jurnal Teknologi*, 50(E), 113–127@ Universiti Teknologi Malaysia.
- Rosenberg, M. J., & Hovland, C. I. (1960). Cognitive, affective, and behavioural components of attitudes. In Rosenberg, M. J., Hovland, C. I., McGuire, W. J. Abelson, R. P., & Brehm, J. W. (Eds.), *Attitude organisation and change: An*

- analysis of consistency among attitude components. New Haven, CT: Yale University.
- Royo, M. A. & Mahmood, H. (2011). Faktor-Faktor Kelemahan Yang Mempengaruhi Pencapaian Cemerlang Dalam Mata Pelajaran Reka Cipta. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2, 145-174. Dicapai pada Jun 01, 2013, dari <http://eprints.utm.my/13386/1/JEPC-2011-2-006.pdf>
- Saikah, M. (2013). *Kesediaan Pelajar Tahun Akhir Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Memasuki Bidang Kerjaya*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Sapidin, A. M. (2005, Julai 13). 120,000 tercicir ke IPTA - Pelajar Melayu tidak dapat teruskan pengajian walaupun cukup syarat. *Utusan Malaysia*.
- Sayuti, S., Yeo Kee Jiar, Sihes, A. J. & Mohd Kosnin, A. (2000). "*Psikologi Pendidikan*". Johor: Universiti Teknologi Malaysia. Sdn. Bhd.
- Sikh Mohamad, R. (2008). *Kesediaan Pelajar Dalam Mengikuti Mata Pelajaran Vokasional di Sekolah Menengah Harian Luar Bandar Daerah Jerantut, Pahang*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Siriwardene, P. P. G. L. & Qureshi, M. A. (2009). *TVET in the Asian Region: Issues, Concerns and Prospects*. Dalam R. Mclean & D. Wilson (eds). *International Handbook of Education for the Changing World of Work*. Springer Science Bussiness Media B.V.
- Sprinthal, R. C., Schmutte, G. T. & Sirois, L. (1991). "*Understanding Educational Research*". Eaglewood Cliffs, N. J: Prentice Hall.
- Sukanti, S. (2011). Penilaian Afektif Dalam Pembelajaran Akuntansi. *Jurnal Pendidikan Akuntansi Indonesia*, 9(1), 74-82. Dicapai pada Jun 20, 2013, dari <http://journal.uny.ac.id/index.php/jpakun/article/view/960/770>
- Tajul Arifin, H. (2010). *Minat dan Penguasaan Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pengurusan Makanan di SMT (ERT) Azizah, Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Tasir, Z. & Abu, M. S. (2001). "*Pengenalan kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 for Windows*". Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Ung Cheng Pee (1972). *Peranan Pelajaran Teknikal dan Vokasional*. Kuala Lumpur.

- Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia. Utusan Malaysia (2006, Julai 13). *120,000 tercicir ke IPTA- Pelajar Melayu tidak dapat teruskan pengajian walaupun cukup syarat.*
- Yahaya, A. & Ismail, N. (2011). Faktor-Faktor Pemilihan Kursus dan Masalah-Masalah Pembelajaran Dalam Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan Empat Aliran Teknikal Di Tiga Buah Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Sembilan. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 2, 93-106. Dicapai pada April 01, 2013, dari <http://www.eprints.utm.my/13401/1/JTVVEE-2011-2-007.pdf>
- Yusof, Y. (2006). *Kajian Kecenderungan Pemilihan Bidang PTV di Kalangan Anak Peserta Felcra: Kajian Kes di Felcra Ramuan China*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Zakaria, W. Z<sup>1</sup>, W. Z., Hamzah, R<sup>2</sup>, R. & Udin, A.<sup>2</sup> (2011). Kritikan Dan Perbandingan Falsafah Pendidikan Dalam Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV). *Journal of Edupres*, 1, 287-300. Dicapai pada Mei 20, 2013, dari <http://eprints.utm.my/17075/1/JOE-1-2011-035.pdf>
- Zulkifli, S. (2006). *Pendapat Pelajar Tahun Satu Yang Tidak Mengambil Aliran teknikal Terhadap Pendidikan Teknikal*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.